



**21/11/2008 (Jumaat)**

## **Pembangunan Modal Insan perlu jadi agenda utama Kementerian Pertahanan, kata Abdullah**

KUALA LUMPUR 21 Nov. — Kementerian Pertahanan perlu menjadikan pelaburan dalam pembangunan modal insan sebagai salah satu agenda utama kementerian itu, kata Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Abdullah yang juga Menteri Pertahanan berkata pelaburan dalam modal insan bukan sahaja dapat menghasilkan warga kerja yang berilmu dan berfikiran strategik tetapi turut membentuk sumber manusia yang peka dengan perubahan semasa. “Setiap warga kementerian baik awam ataupun tentera mestilah dilatih supaya memiliki kemahiran yang bersesuaian bagi menghadapi cabaran semasa.

“Saya sedar membangunkan tenaga kerja yang relevan dengan peredaran semasa dunia adalah salah satu cabaran terbesar yang perlu dihadapi oleh kementerian Pertahanan pada masa kini,” katanya dalam teks ucapan beliau pada Majlis Sambutan Hari Kualiti dan Integriti di kementerian itu di sini hari ini.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Timbalannya Datuk Wira Abu Seman Yusop. - Bernama

**21/11/2008 (Jumaat)**

## **Papan iklan: Ahli majlis MBPJ buat laporan BPR**

SHAH ALAM 21 Nov. — Seorang Ahli Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) hari ini membuat laporan kepada Badan Pencegah Rasuah (BPR) Selangor supaya menyiasat kemungkinan berlakunya pemberian dan penerimaan rasuah di dalam urusan yang melibatkan papan iklan di kawasan bandar raya itu.

Tiew Way Keng membuat laporan itu di Pejabat BPR Selangor pada 9.45 pagi ini di Plaza Masalam di sini. Beliau turut menyerahkan sekeping DVD rakaman sesi pendengaran awam MBPJ yang pertama Jumaat lepas, yang dihadiri oleh pegawai MBPJ, ahli-ahli majlis, para wartawan dan wakil penduduk Petaling Jaya bagi membincangkan polisi baru kerajaan negeri mengenai papan iklan yang telah diluluskan oleh Exco Kerajaan Negeri pada 25 Julai lepas. Turut diserahkan ialah laporan akhbar The Sun keluaran 18 Nov yang ditulis oleh kolumnis

akhtar itu, Terence Fernandez yang turut hadir pada sesi berkenaan dan melaporkan apa yang berlaku di dalam kolumnya "Down2Earth".

Fernandez menulis: "Ini kali pertama seseorang itu mengaku di depan kamera telah memberi rasuah kepada pegawai majlis supaya dia dapat mendirikan papan iklan."

Tiew berkata beliau turut menghadiri sesi itu dan sudi menawarkan diri sebagai saksi bagi kes berkenaan. Katanya BPR yang telah menerima laporan itu akan bermesyuarat mengenainya sebelum menghubungi beliau dalam masa seminggu.

**21/11/2008 (Jumaat)**

## **Kerjasama UPM-Mitsubishi penyelidikan hutan**

Oleh NAZRUL AZIM SHARUDDIN

HUTAN merupakan antara aset terpenting bagi sesebuah negara kerana kewujudannya mampu menyumbang banyak manfaat kepada alam semulajadi.



Namun, ramai yang masih kurang menyedari hakikat tersebut dan terus melakukan penerokaan hutan dengan alasan untuk aktiviti pembangunan. Inisiatif yang dijalankan oleh Universiti Putra Malaysia (UPM) melalui penyelidikan pemuliharaan hutan harus dipuji kerana ia sekurang-kurangnya dapat mengembalikan semula persekitaran hutan yang semakin berkurang.

PROGRAM penanaman model hutan akan dilaksanakan dalam kawasan seluas 27 hektar di UPM Serdang.

Projek kerjasama dengan sebuah syarikat penyelidikan dari Jepun, Mitsubishi Corporation melalui Universiti Nasional Yokohama sebenarnya telah bermula sejak tahun 1990 melalui peruntukan sebanyak RM5 juta. Pembiayaan selama empat tahun itu melibatkan aktiviti pemuliharaan hutan dan tanah tersusut nilai di kawasan tanah seluas 47 hektar di kampus UPM Bintulu, Sarawak. Kerjasama penanaman hutan kali pertama tersebut bertujuan membangunkan model hutan dengan tanaman spesies pokok asal yang pernah wujud di hutan Semenanjung dan juga Sarawak. Melihat kepada kesungguhan UPM yang telah menghasilkan kejayaan memberansangkan, Mitsubishi Corporation bersetuju untuk melanjutkan pembiayaannya sehingga tahun 2009 dengan jumlah peruntukan keseluruhan RM10 juta.

Menurut Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Pembangunan Fakulti Perhutanan UPM, Prof. Madya Dr. Mohamad Azani Alias, projek permulaan di kampus Bintulu itu telah dilaksanakan dengan cemerlang apabila berjaya menanam sebanyak 350,000 anak pokok daripada 126 spesies tempatan Sarawak. "Projek perintis selama 18 tahun itu merupakan satu contoh

kejayaan inisiatif pemuliharaan hutan menerusi kerjasama yang sangat baik dari Mitsubishi Corporation. “Asas saintifik kepada kejayaan itu adalah berdasarkan gabungan dua konsep penanaman yang dinamakan Penyatuan Penanaman oleh Prof. Dr. Miyawaki dari Jepun dan Pecutan Penanaman Semulajadi’ oleh Prof. Dr. Nik Muhamad Abd. Majid dari UPM,” katanya ketika ditemui UPM baru-baru ini.

Lanjutan dari kejayaan tersebut, projek yang sama kini dilaksanakan dengan pembiayaan RM1.3 juta ditanah seluas 27 hektar di kampus utama UPM, Serdang. Dana kali kedua oleh Mitsubishi itu membuktikan keyakinan antarabangsa terhadap usaha Malaysia memelihara alam sekitar.

Objektif utama projek penyelidikan kali ini adalah untuk menyediakan model hutan yang ditanam dengan spesies pokok hutan tempatan dan spesies endemik dari seluruh negeri di Semenanjung Malaysia. Dianggarkan sebanyak 400 spesies tumbuhan yang merangkumi pokok balak, spesies endemik, tumbuhan herba dan ubat-ubatan akan dikumpulkan melalui projek tersebut. Tumpuan akan diberikan kepada penanaman spesies endemik iaitu tumbuhan yang hanya terdapat di negeri-negeri tertentu secara semulajadi.

Sejak dua tahun lalu, pihak UPM telah mengumpul dan menjalankan kajian terhadap beberapa spesies tumbuhan endemik di negeri seperti Selangor, Johor, Terengganu dan Perak. “Kajian tersebut melibatkan nama spesies, kombinasi pokok sekitar serta nisbah kadar satu pokok dengan pokok lain. “Ia bertujuan untuk membantu proses penanaman semula agar spesies tersebut dapat hidup dalam persekitaran yang sesuai,” jelasnya.

Projek model hutan tersebut diharap dapat menjadi replika kepada kepelbagaian jenis spesies pokok dalam hutan di seluruh negara. Setelah dilaksanakan kelak, kawasan hutan itu akan dibuka kepada aktiviti kajian dan penyelidikan bertaraf antarabangsa. Ia juga secara tidak langsung dapat membantu proses pengajaran dan pembelajaran pelajar-pelajar UPM dalam menambahkan lagi pengetahuan dalam bidang seperti perhutanan, perubatan, alam sekitar dan sebagainya. Apa yang menarik, kesemua pokok akan ditanam dalam kepadatan tiga pokok untuk kawasan tiga meter persegi iaitu mengikut kepadatan semulajadinya di dalam hutan asli. Tanamannya akan dilaksanakan di lokasi yang diberi nama Arboretum UPM iaitu kawasan padang ragut yang terletak di antara lebuh raya Kuala Lumpur-Seremban dan Lebuh raya Kuala Lumpur Putrajaya.

Untuk tujuan itu, UPM bakal menganjurkan upacara program penanaman pokok secara beramai-ramai bertempat di UPM Serdang pada 26 November ini. Majlis tersebut dijangka dirasmikan oleh Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin. Seramai 600 orang sukarelawan yang terdiri daripada tetamu kenamaan, wakli Mitsubishi Corporation, pelajar sekolah, penduduk setempat, kakitangan UPM dan wakil pertubuhan bukan kerajaan (NGO) akan menanam pokok pada majlis itu. Sebanyak 3500 pokok dari 400 spesies akan ditanam dengan nisbah setiap orang akan menanam lima batang pokok. Program penanaman yang sama juga akan diadakan pada hari sebelumnya iaitu pada 25 November di UPM Bintulu sebagai projek penanaman tambahan yang melibatkan seramai 200 orang sukarelawan.

**21/11/2008 (Jumaat)**

## **JPNS akui kesilapan teknikal tunggakan bil elektrik 18 sekolah**

SEREMBAN 21 Nov. - Jabatan Pelajaran Negeri Sembilan (JPNS) mengakui berlaku kesilapan teknikal sehingga menyebabkan 18 buah sekolah di negeri ini menerima surat pemotongan bekalan elektrik daripada Tenaga Nasional Berhad (TNB). Pengarahnya, Datuk Abdullah Mohamad berkata, satu tindakan segera telah diambil oleh pihak jabatan untuk mengenal pasti punca kesilapan tersebut sehingga menyebabkan tunggakan mencecah RM122,811.70 sejak dua tahun lalu. "Kita akui memang terdapat kesilapan dari aspek teknikal berhubung bayaran bil elektrik secara pukal itu. Tetapi jabatan ini akan meneliti faktor penyebab ia berlaku dan berjanji perkara itu akan diselesaikan segera," kata beliau ketika dihubungi di sini hari ini.

Abdullah diminta mengulas kenyataan Pengerusi MCA negeri, Datuk Dr. Yew Chai Thiam kelmarin, berhubung kemelut yang dihadapi 18 buah sekolah di negeri ini, yang telah menerima surat arahan pemotongan bekalan elektrik oleh TNB kerana gagal membayar tunggakan. "Jabatan memberi jaminan kesemua sekolah terbabit tidak akan dipotong bekalan elektrik. Kita akan pastikan ia dijelaskan secepat mungkin," katanya yang akan mengadakan pertemuan dengan pihak TNB segera untuk mengatasi kemelut ini.

Beliau memberitahu, jabatan akan mengadakan mesyuarat khas untuk mencari punca berlakunya kesilapan dan berharap jika terdapat sekolah lain yang terlibat, mereka bolehlah merujuk kes berkenaan kepada jabatan ini. Kelmarin, Chai Thiam berkata, sekolah yang menerima tunggakan bil elektrik tertinggi ialah Sekolah Rendah Kebangsaan Rahang di sini, sebanyak RM33,746.80 dan diikuti SRJKC Kuo Min (RM16,274.80) serta SRK St. Paul (RM13,605.35). Sekolah lain yang telah menerima surat pemotongan daripada TNB ialah SRJKC Chan Hwa Lobak yang tertunggak sebanyak RM9,973.45, Sek. Taman Ujong/Sek. Jalan Tok Ungku (RM7,067.85), Sek. Tunku Ampuan Durah (RM5,963), SRJKC Chung Hwa (RM5,564.60), SRJKC Ma Hwa (4,733.30) dan SMK Seremban Jaya (RM3,343.30).

Lain-lain ialah SM Agama Persekutuan Labu (RM3,438.55), SJKT Ladang Seremban (RM2,972.30), SJKC Kg. Baru Rahang (RM3,305.55), SJKC Chung Hua Rantau (RM2,320.30), SK Segu Kuala Sawah (RM1,882.25), SJKC San Min 1 (RM2,350.35), SJKC San Min 2 (RM2,170.20), SR ACS (RM2,091.20) dan SMK Sheikh Hj Mohd. Said (RM2,008.25). Kata Chai Thiam, sejak dua tahun lalu ada arahan daripada JPNS supaya semua bil elektrik diserahkan kepada mereka untuk dijelaskan kepada TNB dan pematuhan itu telah dibuat oleh pihak sekolah. "Pihak sekolah selama ini beranggapan bil itu telah dibayar oleh pegawai di jabatan, mahupun kementerian dan mereka tidak pula dimaklumkan oleh TNB jumlah tunggakan sehinggalah baru-baru ini menerima surat pemberitahuan pemotongan bekalan," ujar Chai Thiam.

**22/11/2008 (Sabtu)**

## **Ramai nelayan tipu LKIM insentif sara hidup**

PAPAR 22 Nov. - Sebilangan besar daripada 32,000 nelayan yang menerima insentif sara hidup RM200 dikesan cuba menipu Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dengan mengemukakan permohonan berulang dengan menggunakan nama ahli keluarga. Pengerusi LKIM, Datuk Abdul Rahim Ismail berkata, pihaknya kesal dan memandang serius perbuatan tersebut dan akan menjalankan siasatan dalam masa terdekat.

"Seramai 25,000 orang yang mendapat insentif itu adalah pemilik bot dan 7,000 lagi adalah awak-awak. "Kita hairan mengapa pendaftaran awak-awak ini begitu sedikit sedangkan mereka juga layak berbuat demikian. "LKIM akan melakukan siasatan kerana kita dapati lebih kurang dua pertiga daripada pemilik-pemilik bot ini memohon semula tetapi dengan menggunakan nama anak dan isteri mereka," katanya ketika ditemui pemberita selepas merasmikan Kompleks Mini Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Papar di Kampung Laut di sini hari ini. Katanya, insentif berkenaan bertujuan membantu nelayan di seluruh negara dan di Sabah sehingga pertengahan tahun ini, hanya 2,000 orang yang sudah berdaftar.

Abdul Rahim berkata, jumlah nelayan di seluruh negara yang layak menerima insentif itu ialah 80,000 orang dan kerajaan menyediakan peruntukan sebanyak RM180 juta setahun. "Ini bermakna, setiap bulan lebih RM14 juta diberikan kepada golongan nelayan khusus untuk membantu mereka," katanya.

Terdahulu ketika berucap, beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri Pantai Manis berkata, taraf hidup nelayan di Sabah masih jauh ketinggalan berbeza dengan nelayan di Semenanjung atau Sarawak. Katanya, taraf hidup nelayan di negeri ini akan mengalami perubahan dalam beberapa tahun akan datang setelah lebih hampir 60 tahun hidup bergelumang dengan kemiskinan. Sementara itu, Pengarah LKIM Sabah, Zainal Md. Ali meminta nelayan di negeri ini supaya menceburkan diri dalam bidang perusahan rumpai laut kerana pendapatannya yang lumayan. Katanya, kerajaan memperuntukkan pinjaman sebanyak RM220 juta bagi nelayan yang ingin mengusahakan rumpai laut dan setakat ini perusahaan itu dilakukan di beberapa daerah sahaja.

**23/11/2008 (Ahad)**

## **PPR: Kerajaan tentukan jualan**

Oleh SITI AIRUNNISA ALAUI

KUALA LUMPUR 23 Nov. - Keputusan sama ada bilangan unit rumah Projek Perumahan Rakyat (PPR) yang akan dijual kepada orang ramai sama ada ditambah atau kekal pada angka yang dipersetujui sebelum ini dijangka diketahui bulan depan.

Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Zulhasnan Rafique berkata, ia akan ditentukan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) selepas berbincang dengan kementeriannya tidak lama lagi. Menurut beliau, pada masa ini, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sedang dalam peringkat akhir untuk menyiapkan laporan mengenai cadangan penjualan yang diputuskan oleh kerajaan sebelum ini.

Katanya, laporan itu akan dihantar kepada Kementerian Wilayah Persekutuan pada awal bulan hadapan dan selepas itu, pihaknya akan mengadakan perbincangan lanjut dengan KPKT tentang proses penjualan unit rumah PPR itu dan kemungkinan menambah jumlah unit untuk dijual.

"Memandangkan projek PPR ini adalah di bawah peruntukan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) dan KPKT manakala DBKL hanya agensi pelaksanaan sahaja, jadi perbincangan harus diadakan dengan semua pihak yang terlibat. "Selepas keputusan dibuat, satu memorandum akan dihantar kepada Kabinet bagi meluluskan cadangan penjualan unit rumah berkenaan," jelasnya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan kempen *Jiranku Keluargaku* peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di PPR Desa Rejang, Setapak di sini, semalam. Hadir sama, Pengarah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Abdul Karim Abu Seman.

Pada 5 Mac lalu, Zulhasnan mengumumkan bahawa Kabinet meluluskan Dasar Perumahan Rakyat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang bakal menyaksikan rumah PPR di bawah seliaan DBKL dijual kepada orang ramai terutama penyewanya. Dasar itu diperkenalkan dalam usaha meningkatkan jumlah pemilikan rumah di kalangan golongan berpendapatan rendah. Sebelum ini, semua PPR di bawah DBKL disewakan pada kadar RM124 sebulan. Namun, hanya 15,007 unit yang berharga RM35,000 sahaja akan dijual dan tiada sebarang penambahan unit rumah dibuat setakat ini. Zulhasnan berkata, walaupun Kabinet masih belum meluluskan penjualan itu tetapi DBKL telah mengadakan sesi penerangan kepada penduduk yang terlibat dalam program berkenaan.

Sementara itu, pelbagai acara diadakan sempena pelancaran kempen *Jiranku Keluargaku* termasuk gotong-royong, kenduri rakyat, pertandingan melukis, pertandingan mewarna, pameran dan jualan, pertandingan futsal dan persembahan kebudayaan. Program yang

berlangsung selama dua hari itu turut melibatkan sebanyak enam buah Kawasan Rukun Tetangga (KRT) iaitu KRT Desa Rejang, KRT Setapak Jaya 1 B, KRT Sungai Bonus, KRT Air Jernih 2, KRT Wangsa Maju Seksyen 10 dan KRT Taman Sri Rampai. Ia adalah program usahasama DBKL, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Ikatan Relawan Rakyat (Rela) dan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (Finas).

Zulhasnan menambah, program seperti ini bakal diteruskan di semua kawasan Parlimen bagi mendedahkan masyarakat tentang kepentingan hidup berjiran dalam komuniti pelbagai kaum. Ujarnya, sebelum ini, pelbagai program telah dianjurkan oleh JPNIN Kuala Lumpur bagi mendekatkan masyarakat dengan konsep kejiranan itu. "Program seperti ini perlu dianjurkan ke kawasan Parlimen lain seperti Putrajaya dan Labuan agar masyarakat didedahkan dengan kepentingan hidup berjiran. "Saya juga berharap program seperti ini akan mendapat sokongan jawatankuasa penduduk untuk sama-sama menganjurkannya," jelasnya.

**23/11/2008 (Isnin)**

### **Rancang terperinci elak projek perumahan terbengkalai**

SEREMBAN 23 Nov. - Pemaju perumahan di negeri ini diminta membuat perancangan terperinci bagi memastikan projek yang dilaksanakan tidak terbengkalai. Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan berkata, langkah berkenaan perlu terutamanya dalam situasi kelembapan ekonomi global pada masa ini. Menurut beliau, pemaju boleh membangunkan projek perumahan secara berperingkat serta mengkaji reka bentuk dan konsep yang dikehendaki pembeli. "Ada pemaju terlalu ghairah ingin membina keseluruhan projek secara sekali gus. Namun, apabila rumah tidak dapat dijual, aliran tunai syarikat terjejas dan mengakibatkan projek terbengkalai," ujarnya.

Mohamad berkata demikian ketika ditemui pada sidang akhbar selepas merasmikan Ekspo Hartanah Malaysia (Mapex) 2008 di pusat membeli-belah Seremban Parade, dekat sini semalam. Ekspo tiga hari itu disertai 18 pemaju dengan menawarkan hartanah jenis rumah teres setingkat, dua tingkat, dua tingkat setengah, rumah berkembar setingkat dan dua tingkat, lot banglo, pangsapuri kos rendah, serta unit komersial dan industri. Mohamad memberitahu, sehingga Oktober tahun ini terdapat 48 projek perumahan terbengkalai di seluruh negeri dan kebanyakannya berpunca daripada krisis kegawatan ekonomi pada tahun 1997. Katanya, kerajaan negeri berusaha sedaya upaya memulihkan projek perumahan terbengkalai dengan kerjasama Jabatan Perumahan Negara serta Syarikat Perumahan Negara Berhad. "Bagaimanapun, kerajaan negeri sering dipersalahkan pembeli sekiranya projek perumahan yang terbengkalai tidak dapat dipulihkan," jelas beliau. Mohamad menasihatkan orang ramai supaya mengkaji latar belakang dan prestasi pemaju sebelum membeli rumah. Ujar beliau, agensi-agensi kerajaan berkaitan juga sewajarnya mengurangkan kerenah birokrasi yang menyulitkan pemaju hingga menyebabkan projek perumahan gagal disiapkan.

**23/11/2008 (Ahad)**

## **Projek pemuliharaan paya bakau jana ekonomi**

Oleh ADNAN MOHAMAD



BEBERAPA peserta Program Kemasyarakatan Pemuliharaan Hutan Bakau di Kampung Pengkalan Gelap, Setiu bersama anak pokok bakau berusia dua tahun.  
- Gambar ADNAN MOHAMAD

---

SETIU 23 Nov. - Bermula sebagai projek pemuliharaan alam sekitar dua tahun lepas, program penanaman semula pokok bakau di tanah bencah Pengkalan Gelap di sini telah menjadi usaha sosioekonomi yang bukan sahaja memperkaya hidupan di kawasan itu, malah menghasilkan nilai ekonomi kepada penduduk.

Projek yang dilaksanakan oleh syarikat Petra Perdana Berhad dengan kerjasama Unit Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP) dan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) itu telah berjaya meningkatkan kualiti air ekosistem kawasan itu. Ia sekali gus merangsang pembiakan pelbagai habitat tanah bencah seperti lokan, ketam, siput, tiram dan teritip yang menjadi sumber pendapatan penduduk dan nelayan sekitar. Dengan kejayaan itu, projek yang dilaksanakan meliputi tiga fasa itu dikembangkan bagi membolehkan kesan jangka panjang yang lebih positif untuk dinikmati oleh penduduk tempatan.

Pengerusi Eksekutif yang juga Ketua Pegawai Eksekutif Petra Perdana Berhad, Tengku Datuk Ibrahim Petra Tengku Indra Petra berkata, tiga fasa projek itu meliputi program kesedaran untuk komuniti, penanaman semula dan pemuliharaan hutan bakau atau nipah dan penyelidikan serta pembangunan ekonomi setempat. Menurutnya, bengkel kesedaran mengenai kepentingan ekosistem dan pemuliharaan hutan paya bakau perlu disebarkan kepada penduduk tempatan kerana mereka yang akan meneruskan program berkenaan selepas ini.

"Langkah pengurusan serta pemuliharaan alam sekitar yang baik ini dapat membantu menjana lebih banyak hasil laut sepanjang masa manakala produk sampingan seperti lidi dan daun nipah dapat digunakan untuk dibuat kraf tangan bagi dijual kepada pelancong. "Pembiakan spesies



haiwan air payau di kawasan paya bakau secara tidak langsung mengatasi kepupusan lokan serta ketam yang menjadi sumber pendapatan penduduk tempatan sejak dulu lagi," katanya baru-baru ini.

Tengku Ibrahim Petra berkata, sehingga kini pihaknya dengan kerjasama agensi yang berkaitan telah menanam kira-kira 20,000 pokok bakau di sekitar kawasan tersebut. Untuk memastikan projek itu terus berdaya maju jelasnya, pihaknya telah mendaftarkan sebuah koperasi untuk mengurus serta melaksanakan kegiatan ekonomi yang dijana hasil penanaman semula bakau di tanah bencah itu.

"Penglibatan syarikat ini dalam projek ini sudah berakhir dan segala usaha niaga yang dihasilkan pada masa akan datang diambil alih oleh koperasi berkenaan. "Kami yakin projek ini akan terus dijayakan oleh penduduk setempat melalui koperasi ini dengan sokongan berterusan kerajaan negeri," katanya.

**23/11/2008 (Ahad)**

### **Permintaan anak bakau amat tinggi**

SETIU 23 Nov. - Tapak semaian dan jualan anak pokok bakau yang diwujudkan hasil projek penanaman semula bakau untuk memulihara alam sekitar di daerah ini mendapat sambutan apabila menerima pesanan daripada negeri lain yang mahukan bekalan anak pokok berkenaan.

Terbaru, negeri Kelantan telah memesan kira-kira 50,000 anak pokok bakau untuk tujuan pemuliharaan kawasan pesisir pantainya. Salah seorang peserta projek berkenaan, **Marzuki Abdul Rashid**, 44, memberitahu, anak pokok bakau memerlukan tempoh dua tahun untuk membesar sebelum boleh dijual. "Perniagaan anak pokok bakau ini tidak memerlukan modal besar cuma kita perlu mencari benih di kawasan paya untuk disemai," katanya.

Menurutnya, dengan adanya kesedaran tentang pentingnya pemuliharaan kawasan paya bakau terutama selepas kejadian tsunami pada tahun 2004, permintaan terhadap anak pokok bakau untuk tujuan penanaman semula amat tinggi. Seorang lagi peserta, **Aminah Ambak**, 52, pula memberitahu, projek yang berjalan sejak tahun 2006 sehingga sekarang sedikit sebanyak memberi sumber pendapatan kepada kaum wanita di sekitar kampung itu. Katanya, kaum wanita mendapat pendapatan sampingan dengan melakukan kerja seperti menyemai benih pokok bakau serta menanam pokok bakau di sungai. "Projek ini mewujudkan peluang kepada masyarakat setempat untuk meraih pendapatan. "Sejak dimulakan sehingga sekarang, saya memperoleh pendapatan lebih RM1,000 sebulan daripada kerja yang dijalankan," ujarnya.

Menurutnya, terdapat kira-kira 50 peserta terbabit dengan projek ini yang membantu meningkatkan ekonomi keluarga masing-masing.

**24/11/2008 (Isnin)**

## **Usaha selamatkan Hutan Temenggor**

Oleh MOHD. KHUZAIRI ISMAIL (WARTAWAN UTUSAN)

DUA ekspedisi menjejak khazanah flora dan fauna yang dijalankan oleh Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS) di Hutan Belum-Temenggor pada 1993/1994 dan 1998, berjaya merekodkan pelbagai spesies unik yang sebahagian besarnya hanya boleh ditemui di hutan berusia 130 juta tahun itu.

Antaranya kira-kira 3,000 spesies tumbuhan berbunga yang sebahagian besarnya endemik iaitu hanya boleh ditemui di Hutan Belum-Temenggor, 46 spesies palma (15 spesies endemik), lebih 30 spesies halia serta pelbagai famili orkid hutan. Turut direkodkan ialah lebih 1,000 spesies mamalia termasuk gajah ASEAN, harimau Malaysia, harimau kumbang, seladang, beruang matahari, badak sumbu Sumatera dan tapir Malaysia.

Hutan Belum-Temenggor seluas 320,000 hektar itu juga merupakan habitat kepada lebih 274 spesies burung menjadikannya hamparan hutan semula jadi terbesar yang menyimpan khazanah flora dan fauna unik negara. Kesungguhan MNS memperkenalkan khazanah berharga negara yang tersimpan di Hutan Belum-Temenggor itu juga, berjaya mendapat kelulusan kerajaan Perak untuk mewartakannya sebagai Taman Negeri pada Mac 2000, diikuti pengiktirafan daripada Sultan Azlan Shah, yang memasyhurnya sebagai Hutan Diraja Belum pada Ogos 2003.

Kerana kesungguhan MNS itu juga, pertubuhan yang kini berusia 68 tahun tersebut diberikan penghormatan yang cukup besar apabila terpilih sebagai penerima sulung Anugerah Merdeka bagi kategori Alam Sekitar daripada tiga syarikat gergasi minyak dan gas iaitu Petronas, Exxonmobil dan Shell. Majlis penyampaian Anugerah Merdeka akan berlangsung malam ini.

Tidak menganggap Anugerah Merdeka sebagai pencapaian peribadi, Pengarah Eksekutif MNS, Dr. Loh Chi Leong, sebaliknya berkata, adalah milik seluruh rakyat Malaysia yang bersama MNS berjuang mempertahankan khazanah alam sekitar milik negara, terutama Hutan Belum-Temenggor. Anugerah berprestij itu juga tambah beliau, merupakan satu suntikan semangat buat MNS yang kini dalam usaha melindungi sebahagian lagi daripada kompleks Hutan Belum-Temenggor sehingga berjaya diwartakan sebagai hutan simpan.

Hakikatnya dalam Kompleks Hutan Belum-Temenggor, bahagian Hutan Temenggor yang dipisahkan dengan Hutan Belum oleh Lebuh Raya Timur-Barat adalah lebih luas iaitu mencakupi kawasan kira-kira 202,500 hektar. Justeru, Hutan Temenggor memainkan peranan yang penting kepada aktiviti interaksi, migrasi dan hubungan di antara spesies flora dan fauna dalam jajaran kompleks hutan semula jadi Belum-Temenggor itu yang turut bersambungan sehingga ke banjaran hutan di Thailand.

Ketika ini, MNS sudah menggerakkan beberapa usaha penting bagi memastikan Hutan Temenggor mendapat perlindungan sewajarnya termasuk ekspedisi menjejak dan merekodkan spesies burung enggang atau Hornbill Malaysia. Ekspedisi yang masih berjalan sehingga kini itu turut membabitkan penglibatan orang ramai termasuk pelajar-pelajar sekolah dan pihak swasta yang bersama-sama menjejak dan merekodkan spesies burung berkenaan.

"Penglibatan orang ramai itu menepati pendekatan MNS sendiri yang mahu menyemai kesedaran dan kecintaan terhadap alam sekitar dengan lebih dekat di kalangan rakyat Malaysia iaitu menerusi pengalaman yang dikutip sendiri," katanya.

Sesuatu yang menarik dalam ekspedisi menjejak burung enggang itu ialah Hutan Temenggor merupakan satu-satunya habitat yang boleh ditemui kesemua 10 spesies burung enggang yang terdapat di negara ini. Malah, di Sarawak sendiri yang mengangkat burung enggang sebagai salah satu elemen keunikan negeri Bumi Kenyalang itu, hanya lapan spesies burung itu sahaja yang mendiami hutan di sana.

Menjadikan Hutan Temenggor sebagai habitat unik kepada spesies itu juga apabila ia merupakan satu-satunya hutan di dunia yang mana burung enggang dapat ditemui berterbangan dalam kumpulan yang besar. Sepanjang ekspedisi yang dijalankan seperti yang diberitahu Chi Leong, MNS pernah melihat kawanan lebih 3,000 ekor burung enggang terbang dalam satu kumpulan yang sama bermigrasi antara Hutan Belum dan Hutan Temenggor.

Dalam ekspedisi menjejak burung enggang itu, antara maklumat utama yang dikumpulkan oleh MNS adalah kawasan-kawasan spesies burung itu membuat sarang, membiak dan mencari makan. Antara penelitian penting yang direkodkan ialah lebih separuh daripada burung enggang itu bersarang dan membiak di bahagian Hutan Belum tetapi terbang mencari makan di bahagian Hutan Temenggor.

"Justeru, adalah sesuatu yang penting untuk Hutan Temenggor yang menjadi kawasan mencari makanan bagi spesies enggang itu dipelihara bagi memastikan *survival* spesies haiwan istimewa tersebut di negara ini," jelas Chi Leong.

Kepentingan migrasi haiwan antara Hutan Belum dan Hutan Temenggor itu juga menyebabkan MNS dan beberapa badan bukan kerajaan (NGO) lain bersatu menyuarakan kebimbangan terhadap rancangan projek pertanian seluas kira-kira tiga kilometer di kiri dan kanan Lebuhraya Timur-Barat. Kawasan hutan yang dikeluarkan daripada Kompleks Hutan Belum-Temenggor sebagai hutan kerajaan negeri itu akan dibangunkan dengan projek pertanian seperti tanaman kelapa sawit sekali gus memisahkan kedua-dua belah hutan dengan lebih jauh.

Justeru, MNS merayu supaya projek pertanian itu tidak diteruskan atau sekurang-kurangnya dibangunkan mengikut zon-zon tertentu yang masih membenarkan migrasi haiwan dengan mudah.

Meskipun kedua-dua hutan itu ketika ini sudah sedia terpisah oleh lebuh raya tersebut, namun migrasi beberapa spesies haiwan seperti gajah masih berlaku seperti yang dapat disaksikan oleh pengguna jalan raya. "Malah, dari satu sudut, migrasi itu sebenarnya boleh menjadi tarikan pelancongan seperti di India misalnya, yang mana orang ramai boleh melihat haiwan seperti gajah melintasi jalan raya untuk bermigrasi secara langsung," katanya.

Dalam usaha sama, MNS juga turut bergabung dengan Pulau Banding Foundation bersama beberapa pertubuhan badan bukan kerajaan (NGO) berteraskan alam sekitar dan saintis di universiti dalam mencadangkan kepada kerajaan untuk tampil dengan satu pelan pengurusan bersepadu dalam menguruskan Hutan Temenggor.

Pelan pengurusan bersepadu itu antara lain bertujuan mengenal pasti kawasan yang boleh diguna untuk tujuan pembalakan dan kawasan sensitif alam sekitar yang sewajarnya dipelihara kerana kepentingannya kepada ekosistem. Kawasan-kawasan itu termasuk paya air masin yang menjadi lokasi tumpuan kebanyakan spesies haiwan sebagai sumber garam dan mineral semula jadi, selain kawasan yang dilihat berpotensi untuk dibangunkan sebagai tapak pelancongan eko.

Seperkara yang turut ditekankan dalam pelan pengurusan bersepadu itu ialah kepentingan menjalankan aktiviti pembalakan secara mampan iaitu dengan jaminan perlindungan sepenuhnya terhadap alam sekitar. Tidak menafikan aktiviti pembalakan merupakan salah satu cabang ekonomi penting kepada pembangunan negara, namun ia perlu dijalankan dengan penuh rasa tanggungjawab dan meletakkan kepentingan alam sekitar di kedudukan paling atas yang perlu diberi perhatian. Ini kerana apa yang diperhatikan ketika ini, aktiviti pembalakan di Hutan Temenggor dijalankan dengan mengabaikan perlindungan alam sekitar antaranya dilakukan dalam lingkungan 100 meter dari sungai.

Malah, terdapat juga aktiviti pembalakan haram yang sangat hampir dengan sungai serta di kawasan lereng bukit menyebabkan berlakunya mendapan dan pencemaran sungai sekali gus mengancam spesies ikan yang dilindungi seperti kelah dan sebagainya. Ketika ditanya apakah yang bakal dilakukan dengan hadiah kemenangan wang tunai berjumlah RM500,000, Chi Leong berkata, ia satu suntikan modal yang cukup besar buat MNS dalam menggerakkan aktiviti, program dan kempen mengenai kesedaran alam sekitar. Antaranya ialah memperluaskan aktiviti kelab pencinta alam di sekolah serta pusat pendidikan alam sekitar di seluruh negara selain projek perlindungan biodiversiti dan tanah lembap di Malaysia yang dijalankan dengan kerjasama kerajaan.

"Lebih utama, peruntukkan itu akan digunakan khusus untuk Hutan Temenggor terutamanya dalam membawa orang ramai melihat sendiri keunikan dan keindahan hutan itu untuk dicintai oleh setiap rakyat Malaysia," tambah beliau.

**26/11/2008 (Rabu)**

## **IPTA bazir banyak wang kerajaan**

Oleh Wan RAMLI WAN MUHAMAD

KUALA TERENGGANU 26 Nov. - Institusi pengajian tinggi awam (IPTA) di negara ini didakwa membazirkan banyak wang kerajaan apabila hanya lima peratus bahan penyelidikan yang dihasilkan pensyarah atau penyelidik setakat ini benar-benar dimanfaatkan.

Menurut Naib Canselor Universiti Teknologi Mara (UiTM), Prof. Datuk Seri Dr. Ibrahim Abu Shah, sebahagian besar penyelidikan yang tidak dimanfaatkan kini tersimpan di stor dan tidak digunakan untuk pembangunan negara. Beliau hairan mengapa keadaan itu berlaku sedangkan mengikut pemerhatiannya, banyak penyelidikan tersebut mempunyai nilai komersial. "Pada saya kemungkinan perkara ini berlaku kerana ramai pensyarah atau penyelidik melakukan penyelidikan hanya untuk mendapat kenaikan pangkat tanpa menyedari ia bermanfaat jika dikomersialkan. "Ini satu pembaziran wang kerajaan. Kalau pensyarah nak buat penyelidikan, buatlah tetapi bukan semata-mata untuk kenaikan pangkat. Ia tidak berfaedah," ujarnya.

Beliau berkata demikian kepada *Utusan Malaysia* selepas merasmikan Persidangan Ekonomi dan Perniagaan Antarabangsa Terengganu 2008 (Tibec 2008) di sini hari ini. Hadir sama Pengurus Besar Perhubungan Strategik Bank Islam Malaysia Berhad, Datuk Wan Ismail Wan Yusoh; Yang Dipertua Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Negeri Terengganu (DPMMT), Datuk Ir. Tengku Ismail Tengku Jaaffar dan pegawai kanan UiTM. Mengulas lanjut Ibrahim berkata, menyedari hakikat itu, UiTM kini mahu semua pensyarah dan penyelidik di institusi tersebut agar melakukan banyak penyelidikan untuk dikomersialkan. Menurutnya, UiTM juga akan mewajibkan semua pensyarah mengkomersialkan penyelidikan tanpa mengambil kira kenaikan pangkat masing-masing. "Kalau ini kita amalkan, ia bukan sahaja membantu kerajaan malah memesatkan lagi sektor perniagaan dan pertumbuhan ekonomi negara. "Kita boleh buat kerjasama dengan golongan usahawan dan mereka yang berminat boleh memajukan hasil penyelidikan yang kita lakukan," katanya.

**26/11/2008 (Rabu)**

## **Lantikan pegawai kanan universiti bermula dengan TNC**

SERDANG 26 Nov. - Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, pelantikan jawatan tertinggi di peringkat universiti dilaksanakan dari peringkat Timbalan Naib Canselor (TNC). Jelasnya, TNC adalah tempat latihan untuk mewujudkan satu kumpulan yang akhirnya akan melangkah ke jawatan Naib Canselor. "Pemilihan individu yang layak memegang jawatan tertinggi dalam mentadbir universiti sebenarnya dikumpulkan dalam kelompok TNC yang merupakan kumpulan yang dilatih untuk naik ke peringkat seterusnya," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyempurnakan upacara Penanaman Pokok (Hutan) Universiti Putra Malaysia (UPM) - Mitsubishi Corporation di Arboretum, UPM di sini hari ini. Katanya, penilaian yang dibuat terhadap kumpulan yang berada dalam kelompok TNC dibuat berdasarkan kemampuan serta keupayaan yang ditampilkan oleh individu dan bukannya berasaskan gender.

Justeru, beliau memberitahu, peluang untuk golongan wanita masuk ke dalam kumpulan TNC tidak pernah tertutup atau dihadkan. Katanya, dalam keadaan sekarang, kaum wanita tidak dinafikan mampu berdaya saing dalam semua bidang. Sehubungan itu, beliau menjelaskan, pencapaian yang mampu diraih oleh kaum itu dilihat meningkat dari semasa ke semasa.

Bagaimanapun, katanya, untuk menjawat jawatan tinggi dalam pentadbiran universiti berkenaan, penekanan diberikan kepada kecemerlangan dan kemampuan seseorang itu. Ujarnya, walaupun isu kuota golongan wanita untuk mengisi jawatan Naib Canselor cuba tidak disentuh, tetapi beliau mengakui pada hakikatnya, soal itu perlu diberikan perhatian.

Oleh itu, beliau yakin kaum wanita yang diambil untuk mengisi jawatan tertinggi dalam universiti berasaskan kepada kecemerlangan dan kewibawaan mentadbir dan bukannya berasaskan kepada gender. Baru-baru ini, khidmat bekas Naib Canselor Universiti Malaya (UM), Datuk Rafiah Salim yang tidak disambung telah menimbulkan kekecohan apabila isu itu dibangkitkan di Dewan Rakyat.

Rentetan itu, timbul kemelut antara Rafiah dengan Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Idris Haron yang didakwa telah mencemarkan imejnya ketika Idris menjawab soalan berkenaan dengan pelantikan Naib Canselor UM pada sidang Dewan Rakyat. Sehubungan itu, Rafiah membuat kenyataan kepada penulis ruang siber di laman web *Malaysiakini* untuk mencurahkan rasa tidak puas hatinya sepanjang mengetuai universiti tertua negara itu.

**26/11/2008 (Rabu)**

## **Lebih 2.4 juta MyKad rosak dalam tempoh 7 tahun**

KUALA LUMPUR 26 Nov. - Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) menerima laporan kerosakan lebih 2.4 juta keping MyKad sejak ia mula diperkenalkan pada tahun 2001 sehingga Oktober tahun ini. Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, beliau memandang serius perkara itu dan mahu agar JPN segera bertindak mencari penyelesaian bagi mengurangkan jumlah kerosakan MyKad yang dilaporkan setiap tahun. Jelas beliau, jumlah 2.4 juta kad yang rosak itu mewakili 10 peratus daripada 24 juta MyKad yang telah dikeluarkan dalam tempoh tujuh tahun sejak pengenalannya. Katanya, kebanyakan kerosakan berkaitan dengan kualiti bahan ia dihasilkan dan cip yang dilekatkan pada MyKad. "Kita akan memperkenalkan bahan baru yang dinamakan polikad yang lebih keras, susah patah dan tahan lama untuk menggantikan plastik PVC yang digunakan dalam pembuatan MyKad kini," katanya pada sidang

akhtar selepas melancarkan program MyDaftar di sini hari ini. Turut hadir Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Chor Chee Heung dan Ketua Pengarah JPN, Datuk Muhammad Abdul Halim Muhammad. Beliau mendedah perkara itu sebagai menjawab rungutan banyak pihak berhubung kualiti kad pengenalan generasi baru itu.

Menurut Syed Hamid, 24,131 aduan kerosakan diterima pada tahun 2001, diikuti 24,131 pada 2002, 16,678 (2003), 22,484 (2004) dan 45,487 (2005). Tambah beliau, bermula tahun 2006, jumlah itu mula meningkat secara lebih mendadak dengan 240,572 kes dilaporkan pada tahun itu, 769, 674 (2007) dan 888, 495 (2008). Ditanya apakah punca peningkatan kerosakan secara mendadak itu, Syed Hamid berkata, beliau tidak dapat memberikan jawapan yang pasti. Namun, katanya, ia mungkin disebabkan MyKad pada awal pengenalannya hanya terhad di kawasan Wilayah Persekutuan sahaja menjadikan jumlah kerosakan juga sedikit. "Bila penggunaannya semakin meluas, mungkin sebab itu berlaku peningkatan kerosakan, perkara ini bagaimanapun perlu dibuktikan terlebih dahulu," katanya.

Dalam pada itu, Syed Hamid berkata, JPN sehingga kini masih belum mempunyai sebarang maklumat berhubung jumlah sebenar daripada 24 juta pemegang MyKad yang benar-benar mengaktifkan semua aplikasi yang terkandung dalam kad itu. Walaupun MyKad diuar-uarkan sebagai mempunyai pelbagai kelebihan, namun beliau memberikan alasan bahawa itu hanyalah fungsi kedua kad itu. "Perkara paling penting dalam MyKad adalah untuk memastikan tidak berlaku sebarang pemalsuan kad itu," katanya.

Beliau juga memberitahu, kerajaan akan memperkenalkan kembali pemberian kad pengenalan hijau untuk dokumen pengenalan diri bagi orang yang dikategorikan sebagai tidak mempunyai negara. Setakat ini, JPN mempunyai rekod 30,000 penduduk yang boleh dikategorikan sebagai tidak mempunyai kerakyatan mana-mana negara.

**26/11/2008 (Rabu)**

## **Kemasukan pekerja asing di bawah KDN**

Oleh WAN SYAMSUL AMLY

KUALA LUMPUR 26 Nov. - Kemasukan pekerja asing di negara ini terletak di bawah bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri (KDN). Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Noraini Ahmad menjelaskan, rakyat seharusnya memahami konsep itu dan tidak meletakkan 100 peratus isu banjir pekerja asing berpunca dari kementeriannya.

Tegasnya, agensi di bawah KDN seperti Jabatan Imigresen sendiri memainkan peranan utama dalam memastikan malah mengawal kemasukan setiap pekerja asing. "Isu banjir ini menjadi skop kuasa KDN. Kita tidak ada kuasa untuk mengawal keluar masuk pekerja asing yang bekerja di sini. "Masyarakat perlu faham sempadan kuasa setiap kementerian malahan kita

sendiri tidak tahu mengapa banjir serta kelonggaran kawalan kemasukan pekerja asing ini boleh berlaku," katanya ketika dihubungi di sini hari ini. Beliau mengulas celahan ahli Parlimen, Datuk Mohamad Aziz (BN-Sri Gading) di Dewan Rakyat semalam yang melahirkan rasa kecewa kerana kerajaan masih gagal menyelesaikan isu banjir pekerja asing yang sudah bertahun-tahun membelenggu negara ini. Malah Mohamad Aziz turut menempelak Noraini kerana memberikan jawapan terlalu panjang dan berjela-jela berhubung isu itu.

Tambah Noraini, kementeriannya tidak pernah berhasrat untuk 'lari' daripada masalah itu malah bersedia pada bila-bila masa bekerjasama dengan KDN atau mana-mana agensi untuk memastikan isu itu dapat diselesaikan dengan segera. Katanya lagi, kementeriannya juga tidak pernah mengambil langkah 'lepas tangan' dalam isu kebajikan pekerja tempatan dan asing. "Kita tidak pernah mendiskriminasi mana-mana pekerja dalam apa juga masalah yang ada di negara ini. Itu tanggungjawab dan ia tertakluk juga kepada pekerja asing. "Kita akan menjaga kebajikan pekerja asing yang tertipu dan telah masuk di negara ini. Persoalannya pihak mana yang meluluskan kemasukan mereka jika terjadinya banjir seperti sekarang?," ujarnya.

Hampir 20 peratus tenaga kerja di Malaysia terdiri daripada warga asing dan angka itu bermakna nisbah pekerja di negara ini ialah seorang warga asing bagi setiap empat pekerja tempatan. Jumlah itu menjadikan hampir separuh daripada lebih 252,600 pekerjaan yang diwujudkan di negara ini setiap tahun diisi oleh pekerja asing. Jumlah pekerja asing berdaftar di negara ini ialah 2.2 juta, jika dicampur yang bergerak secara haram, jumlahnya menghampiri empat juta orang. Mengikut sektor, sebahagian besar pekerja asing diambil bekerja dalam sektor pembuatan iaitu sebanyak 36 peratus, diikuti perladangan (24.6 peratus), pembantu rumah (15.7 peratus), pembinaan (14.2 peratus) dan selebihnya dalam sektor lain. Kerajaan mensasarkan menjelang 2015, hanya 1.5 juta warga asing bekerja di negara ini.

**26/11/2008 (Rabu)**

## **Tutup pejabat pelancongan luar negara jika gagal**

KUALA LUMPUR 26 Nov. - Menteri Pelancongan, Datuk Seri Azalina Othman Said berkata, pejabat pelancongan di luar negara yang gagal mencapai sasaran kemasukan pelancong ke negara ini melalui promosi Malaysia yang bermula tahun depan akan ditutup. Tegas beliau, arahan penutupan tersebut akan dibuat selepas pihak kementerian meneliti purata pendapatan bulanan setiap pejabat di luar negara yang gagal mencapai sasaran.

"Mulai tahun depan, purata pendapatan setiap pejabat di luar negara akan diteliti secara bulanan, dan sekiranya tidak mencapai sasaran sebagaimana yang diberikan, maka arahan penutupan pejabat mungkin akan dibuat. "Ini kerana kos operasi pejabat di luar negara adalah tinggi, apa yang dikehendaki adalah jaminan pulangan keuntungan buat negara, jika gagal, maka pejabat itu mungkin akan ditutup," katanya pada sidang akhbar di pejabatnya di sini hari ini.



Terdahulu, beliau mempengerusikan mesyuarat bersama 51 pegawai pelancongan yang berada di 29 buah negara. Turut hadir Timbalan Menteri Pelancongan, Datuk Seri Sulaiman Abdul Rahman Taib.

Menurut Azalina, pegawai yang terlibat dalam penutupan pejabat tersebut akan dipanggil pulang untuk terus berkhidmat di Malaysia. Beliau berkata, selain itu, kementerian juga bersetuju untuk membuka sebuah pejabat pelancongan baru di Uzbekistan berdasarkan potensi pelancongannya yang tinggi. "Pembukaan pejabat itu kelak dijangka mampu membantu menjana sektor pelancongan negara memandangkan kita banyak menerima reaksi positif daripada para pelancong asing di Timur Tengah," katanya.

Di samping itu, katanya, kementerian juga akan mempertingkatkan penjenamaan Malaysia di negara luar dengan kerjasama syarikat-syarikat milik kerajaan (GLC) di luar negara antaranya Malaysia Airlines System Bhd. (MAS), Petronas, Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Telekom Malaysia.

Dalam perkembangan sama, beliau berkata, meskipun kementerian telah menyasarkan seramai 22.9 juta pelancong asing berkunjung ke negara ini bermula tahun depan, namun perangkaan itu akan disemak semula bagi mengambil kira beberapa faktor terutama krisis ekonomi dunia yang berlaku sekarang. "Pasaran (pelancong) yang dijangka merosot ialah Eropah, Amerika Syarikat, Oceania, Asia Timur dan Asia Barat. "Namun, bagi pelancong dari Timur Tengah pula, kementerian yakin ia masih baik kerana Malaysia merupakan destinasi utama hab halal, selain selesai untuk dikunjungi," katanya

**26/11/2008 (Rabu)**

## **Polis Marin rampas balak RM1 juta**

Oleh MUHAMAD ZAID ADNAN

KUCHING 26 Nov. - Polis Marin merampas sebanyak 1,145 batang balak pelbagai jenis bernilai kira-kira RM1 juta dalam satu serbuan ke atas sebuah kapal tempatan di sini pagi semalam.

Ketua Bahagian Risikan Operasi Polis Marin Wilayah Sarawak, Deputy Supritendan Mohd. Razlin Abdul Manaf berkata, dalam serbuan kira-kira pukul 10.15 pagi itu, seorang juragan bersama tujuh anak kapal antaranya warga Indonesia, turut ditahan. Menurutnya, sebuah kapal peronda polis yang sedang melakukan operasi Ops Octopus di perairan Sungai Sarawak telah memeriksa sebuah kapal yang sedang menunggu giliran untuk memasuki pintu air di situ.

"Hasil pemeriksaan kami mendapati, pemilik kapal tersebut dipercayai cuba mengelak membayar cukai kerana kebanyakan balak itu tidak mempunyai pengesahan Jabatan Hutan. "Pemilik kapal itu akan didakwa mengikut Seksyen 21 Ordinan Perhutanan 1985 (1) manakala

anak kapal boleh dibebaskan dengan ikat jamin majikan," katanya pada sidang akhbar di sini hari ini.

Mohd. Razlin berkata, kayu balak yang dirampas itu dipercayai dibawa dari Sri Aman untuk dibekalkan ke sebuah kilang kayu di Kuching. "Kita akan merujuk kes ini kepada Unit Perlindungan Aset Sarawak (SAPU) bagi tindakan selanjutnya," jelas beliau.

Dalam pada itu, Mohd. Razlin berkata, polis marin telah membuat sebanyak tujuh tangkapan berkaitan kayu balak di perairan Sarawak sepanjang tahun 2008. "Kesemua balak ini masih dalam siasatan pihak SAPU dan kita tidak mempunyai nilai sebenar jumlah yang telah dirampas itu," jelasnya.

Sementara itu, Mohd. Razlin memberitahu, Batang Lupar (Sri Aman), Batang Sadong (Samarahan), Batang Kemena (Bintulu) dan Kuala Baram merupakan laluan penyeludupan yang aktif di negeri ini.

**26/11/2008 (Rabu)**

### **Status tanah punca kilang haram berleluasa**

KAJANG 26 Nov. - Hampir 300 buah kilang dipercayai didirikan secara haram di sekitar kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) kerana dibina di atas tanah berstatus pertanian.

Yang Dipertua MPKj, Datuk Hassan Nawawi Abdul Rahman berkata, bagi mengatasi masalah tersebut MPKj telah mengadakan operasi pemutihan sejak awal tahun sehingga hujung tahun ini, melibatkan keseluruhan kawasan pentadbirannya. Katanya, daripada 590 buah kilang yang didirikan secara haram sebelum ini, hampir 300 buah kilang telah mendapat lesen perniagaan secara sah. Jelasnya, lesen berkenaan diberikan setelah mendapat kelulusan daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Jabatan Bomba dengan memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Ujarnya, kilang-kilang tersebut perlu diberikan lesen perniagaan secara sah memandangkan ia membantu menjana ekonomi setempat khususnya dan ekonomi negara amnya. "Kilang-kilang di sekitar kawasan ini kebanyakan dibina secara haram memandangkan ia didirikan serta disewa di atas tanah berstatus pertanian dan menyebabkan sukar ditukarkan kepada status perindustrian. "Namun disebabkan keperluan kepada produk-produk hasil kilang berkenaan, majlis akan membenarkan mereka memohon lesen perniagaan secara sah.

"Bagaimanapun, mereka perlu mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh JAS dan Jabatan Bomba untuk memastikan kilang mereka tidak mengganggu ketenteraman awam serta alam sekitar," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan Mesyuarat Penuh di Bangunan MPKj di sini. Tambahnya, dalam proses pemutihan yang dijalankan, pengusaha-pengusaha kilang perlu mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan iaitu membuat permohonan

lesen dengan majlis dan mendapatkan sokongan daripada JAS dan Jabatan Bomba. Ujarnya, ini perlu dilakukan bagi memastikan perusahaan mereka tidak membahayakan keselamatan awam serta mencemarkan alam sekitar.

Beliau berkata, sekiranya mereka gagal berbuat demikian, MPKj akan mengambil tindakan tegas terhadap pemilik kilang berkenaan. "Bagi kilang-kilang yang didirikan berhampiran kawasan perumahan, mereka diwajibkan membina zon penampungan ataupun tanaman pokok dengan jarak 150 meter daripada kawasan perumahan penduduk.

**26/11/2008 (Rabu)**

## **Rencana - Maritim Malaysia semakin digeruni**

Oleh zabry mohamad (wartawan utusan)

apam? Itu antara gelaran 'usikan' yang diberikan kepada Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia berdasarkan akronim organisasi tersebut, iaitu APMM. Walaupun dianggap sekadar gurauan oleh sesetengah pihak, Ketua Pengarah APMM yang baru, Laksamana Datuk Mohd. Amdan Kurish ternyata tidak senang dengan panggilan tersebut.

Baginya, gelaran itu seolah-olah mempersenda kewujudan APMM yang diberi tanggungjawab untuk mengawal serta menguatkuasakan undang-undang di zon maritim negara merangkumi perairan pedalaman, laut wilayah, pelantar benua dan Zon Ekonomi Eksklusif (EEZ). Justeru, tidak hairan kenapa beliau begitu berazam untuk melakukan penjenamaan semula organisasi tersebut dengan gelaran Maritim Malaysia.

Meskipun belum dilancarkan secara rasmi, perkataan Maritim Malaysia sudah dilihat tertera pada aset-asetnya seperti uniform, bot, kapal dan helikopter, menggantikan APMM. "Kita adalah agensi bermaruah, kita tidak mahu dipersenda dengan gelaran sedemikian. "Kita tidak mahu lagi dikenali sebagai APMM, sebaliknya Maritim Malaysia. APMM akan lakukan penjenamaan semula termasuk logo baru," katanya pada sidang akhbar di atas kapal KM Langkawi sempena program Hari APMM Bersama Media yang julung kali diadakan di Pelabuhan Klang baru-baru ini. Selain itu, jelasnya, nama APMM agak panjang dan boleh mengelirukan orang ramai tentang peranannya. "Kalau nak tukar kepada Coast Guard Malaysia akan mengambil masa lama kerana melibatkan akta dan perlu mendapat kelulusan Kabinet," tambahnya.

Semasa mula beroperasi tiga tahun lalu, ramai yang meragui kemampuan APMM untuk mengawal perairan negara seluas 614,000 kilometer (km) persegi dengan pantai sepanjang 4,492 km, ditambah dengan kekurangan aset dan anggota.

Pada peringkat permulaan, APMM lebih menumpukan kepada tugas-tugas mengawal Selat Melaka. Ternyata kehadiran APMM di selat paling sibuk di dunia itu mendatangkan kesan apabila kadar pelanunan di kawasan berkenaan menurun. Banyak bot nelayan lebih berani menangkap ikan hingga ke tengah laut berbanding sebelumnya. Dengan adanya perolehan aset baru dan pertambahan anggota secara berperingkat, APMM dari semasa ke semasa mula memperlihatkan peningkatan dalam tugas-tugas penguatkuasaan di laut. Banyak bot yang terlibat dengan aktiviti-aktiviti jenayah seperti penyeludupan kayu balak, diesel, pendatang asing tanpa izin (PATI) dan penangkapan ikan secara haram berjaya ditahan.

Menurut Mohd. Amdan, dari bulan Januari hingga September lalu sebanyak RM13.5 juta barangan seludup berjaya dirampas oleh APMM berbanding RM3.3 juta pada 2007 dan RM40,000 tahun 2006. "Peningkatan ini disebabkan APMM telah menggandakan jumlah rondaan dan operasi di laut dengan adanya kemasukan anggota-anggota baru selain wujud jaringan perisikan yang semakin baik," ujarinya.

Sementara jumlah orang kena tuduh melakukan jenayah adalah seramai 2,920 orang bagi tempoh sama berbanding 3,277 tahun lalu dan 877 pada 2006. Mengulas mengenai aset-aset baru yang bakal diterima APMM, beliau memberitahu pesawat pelbagai guna amfibia yang dibeli dijadualkan tiba penghujung tahun ini sekali gus akan menjadikan Malaysia sebagai negara pertama di Asia menggunakan kapal terbang jenis itu.

Pesawat jenis Bombardier 415 buatan Kanada itu merupakan salah satu daripada dua buah yang dibeli oleh kerajaan dengan kos RM240 juta. Ia akan digunakan untuk tugas-tugas peninjauan serta pengawasan di laut selain membantu Jabatan Bomba dan Penyelamat memadam kebakaran. "Pesawat amfibia adalah aset terbaru bakal dimiliki APMM yang akan diterima pada November ini. "Buat masa ini, pesawat ini akan digunakan untuk tugas pengawasan tapi ia juga boleh mendarat di air untuk mencedok air bagi membantu memadam kebakaran," katanya.

Menurutnya, seramai enam juruterbang dan krew Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) diserapkan ke dalam APMM bagi mengendalikan kedua-dua pesawat berkenaan. Beliau menambah, kesemua mereka telah memulakan latihan sejak Ogos lalu. Selain pesawat, APMM juga bakal menerima 20 buah bot pintas yang berupaya mencecah kelajuan sehingga 60 knot secara berperingkat mulai 2010. APMM juga kini mempunyai pasukan elit dikenali sebagai Pasukan Tindakan Khas (Star) di mana anggota-anggotanya terdiri daripada bekas anggota Pasukan Khas Laut (Paskal) dan Pasukan Khas Udara (Paskau). Bagaimanapun, Mohd. Amdan menegaskan perolehan aset-aset moden tidak membawa erti kepada APMM selagi rakyat Malaysia sendiri menaungi kegiatan negatif di perairan negara.

Sebagai contoh, jelasnya, mudahnya PATI membolosi perairan negara disebabkan adanya orang tempatan yang menjadi dalang. "Kalau difikirkan, bagaimana PATI yang baru tiba ke negara ini boleh terus 'hilang' tanpa dikesan?. "Siapa yang tunjukkan mereka jalan, mana nak pergi, simpan mereka, sediakan makan? Sedar-sedar sudah bekerja di ladang, hutan, projek perumahan. "Siapa yang menjadi dalang kalau bukan orang kita sendiri?" ujarinya.

Justeru, beliau amat berharap agar orang ramai dapat berkongsi maklumat dengan APMR tentang kegiatan sedemikian. Sebelum mengakhiri program berkenaan, beliau memberi peringatan bahawa penguatkuasaan berkesan amat penting kerana ia melambangkan kedaulatan negara. Sewajarnya peringatan itu tidak kita pandang sepi begitu sahaja. Ini kerana, sebagai rakyat Malaysia kita sendiri yang bertanggungjawab memastikan maruah negara tidak tergadai.

**27/11/2008 (Khamis)**

## **PM umum lagi insentif**

Oleh ZULKIFLI JALIL dan HELMI MOHD. FOAD

PUTRAJAYA 27 Nov. – Lebih 40,000 kakitangan awam yang sebelum ini mengambil opsyen skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) boleh menarik nafas lega apabila mereka kini dibenarkan untuk bertukar kepada skim pencen, berkuat kuasa 1 Februari tahun depan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, kakitangan awam terbabit diberikan peluang selama sebulan untuk membuat pilihan berhubung skim tersebut iaitu dari 1 Januari hingga 31 Januari 2009. Berucap menyampaikan Anugerah Kualiti Sektor Awam 2008 di sini hari ini, beliau memberitahu, keputusan itu dibuat oleh Jawatankuasa Kabinet Mengenai Perjawatan dan Gaji Pekerja-pekerja Sektor Awam pada mesyuaratnya baru-baru ini.

“Ini tentunya memberikan kebaikan kepada mereka yang terbabit seperti kemudahan perubatan dan memperoleh semua kemudahan yang sama seperti dinikmati oleh para pesara. “Keduanya, kerajaan juga telah bersetuju untuk memberikan bayaran ex-gratia kepada ibu bapa anggota perkhidmatan awam bujang yang meninggal dunia dalam perkhidmatan dan ia mula berkuat kuasa pada 1 Januari tahun depan,” kata beliau.

Turut hadir Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd. Sidek Hassan; Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Tan Sri Ismail Adam dan Ketua Pengarah Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (Mampu), Datuk Normah Md. Yusof.

Pada 1992, melalui Skim Saraan Baru (SSB), kakitangan kerajaan yang dilantik selepas 12 April 1992, ditawarkan skim KWSP sebagai alternatif kepada Skim Pencen seperti yang diperuntukkan dalam Seksyen 6A(1) Akta Pencen 1980 dan Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa



TAHNIAH ... Abdullah Ahmad Badawi memberikan tepukan kepada Dr. Ibrahim Abu Shah setelah Universiti Teknologi MARA muncul juara Anugerah Kualiti Perdana Menteri bagi sektor awam di Putrajaya, semalam.— Gambar Zaki Amiruddin

Berkanun dan Tempatan 1980. Kakitangan awam yang memilih skim KWSP itu bagaimanapun kehilangan faedah gantian cuti rehat, faedah rawatan kesihatan sebagai pesara dan ganjaran persaraan. Ekoran itu, ramai kakitangan awam merungut bahawa mereka tidak mendapat maklumat jelas semasa hendak membuat opsyen Skim Pencen atau KWSP disebabkan ketiadaan sesi penerangan oleh JPA.

Abdullah seterusnya berkata, kerajaan juga bersetuju membuat penambahbaikan terhadap skim pegawai siasatan, penolong pegawai siasatan dan pembantu pegawai siasatan bagi memperkasakan kegiatan pencegahan rasuah dan membanteras jenayah. "Bagi urusan pencegahan rasuah, skim perkhidmatan tersebut bermula dengan kelulusan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan bagi Polis Diraja Malaysia (PDRM) pula, penambahbaikan bagi skim perkhidmatan pegawai kanan polis, pegawai rendah polis dan konstabel berkuat kuasa pada 1 Januari 2009," katanya.

Selain itu, beliau berkata, memandangkan persamaan fungsi dan tugas antara agensi penguatkuasaan maritim Malaysia, tentera laut dan polis daripada aspek penguatkuasaan undang-undang, kerajaan bersetuju agar kadar tambahan 20 peratus atas kadar kenaikan gaji diberi kepada pegawai dan anggota lain-lain pangkat Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia (APMM) berkuat kuasa 1 Januari 2009.

Abdullah berkata, perkhidmatan awam boleh merasa bangga dengan pencapaian itu kerana kerajaan telah menetapkan sasaran untuk melonjakkan kedudukan Malaysia ke taraf 10 teratas dalam mana-mana kategori penarafan antarabangsa. Dalam pada itu, Abdullah juga mahu pemilihan pemenang anugerah kualiti sektor awam dibuat berasaskan kriteria keunggulan yang mantap serta tahap penilaian yang tinggi agar

**27/11/2008 (Khamis)**

### **Pasar tani RM4.6 juta di Guar Chempedak**

ALOR STAR 27 Nov. - Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) akan mewujudkan sebuah pasar tani kekal yang menelan perbelanjaan RM4.6 juta di atas tapak seluas 1.2 hektar di Guar Chempedak dekat sini, pada Mac tahun depan. Pengarah Pembangunan Negeri Kedah, Hadzir Mohd. Zain memberitahu, pasar tani yang akan dikendalikan oleh FAMA Kedah itu akan dibuka setiap hari untuk memberi peluang kepada usahawan-usahawan tempatan menjalankan perniagaan.

"Ia berbeza dengan pasar tani lain yang beroperasi sehari atau dua kali seminggu. Projek pembinaan pasar tani kekal ini hampir siap dan sekarang ini FAMA dalam proses menemu duga usahawan-usahawan yang berminat untuk berniaga di situ," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas pelancaran pelekat 'Pasar Tani-Pasar Pilihan' di tapak pasar tani di pekarangan bangunan Tenaga Nasional Berhad (TNB) di sini hari ini. Turut hadir Pengarah FAMA Kedah, Wan Abdullah Wan Chik.

Menurut Hadzir, dengan beroperasinya pasar tani itu, dianggarkan 100 usahawan bakal menjalankan perniagaan masing-masing termasuk di kalangan graduan lepasan institusi pengajian tinggi (IPT). Beliau berkata, pembukaan pasar tani tersebut akan memberikan keselesaan kepada para peniaga dan pelanggan.

Di samping itu kata beliau, produk termasuk hasil pertanian yang dijual di pasar tani tersebut dijamin berkualiti dan segar dengan harganya berpatutan. Sementara itu, Wan Abdullah menjelaskan, pada masa kini, seramai 526 usahawan telah menjalankan perniagaan di 12 buah pasar tani di seluruh Kedah manakala tujuh lagi dijangka dibuka pada tahun depan. Kata beliau, sebanyak tiga buah lagi pasar tani akan dibuka pada bulan ini dan Disember depan bagi memenuhi permintaan penduduk setempat. Katanya, tiga pasar tani itu ialah pasar tani Insaniah, pasar tani Pokok Sena dan pasar tani Kulim.

**27/11/2008 (Khamis)**

## **FAMA perluas ladang kontrak**

Oleh ABDUL RZAK DIN

KAMPUNG GAJAH 27 Nov. - Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Perak akan membuka lima lagi ladang kontrak setelah membuka 200 buah ladang seluas 726 hektar bagi menjamin pasaran dan pendapatan petani luar bandar di negeri ini.

Pengarah FAMA Perak, Basri Jasmo berkata, kali ini pihaknya akan membuka setiap satu ladang seluas satu hektar bagi memastikan setiap petani yang menceburinya mempunyai pendapatan tidak kurang daripada RM2,000 sebulan. "Seramai 200 orang petani terbabit dalam program ladang kontrak ini dan kita akan membuat taklimat kepada petani mengenai kepentingan mereka menyertai program ini kerana selain menjamin pasaran ia mampu meningkatkan pendapatan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis penyerahan Pusat Pengumpulan Ladang (PPL) Kampung Tersusun Changkat Lada di sini hari ini.

Majlis penyerahan dilakukan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) kawasan Sungai Manik, Zainol Fadzi Paharudin. Basri berkata, pihaknya setakat ini menumpukan penanaman 13 jenis buah-buahan dan 15 jenis sayur-sayuran melalui perancangan pengeluaran dan pemasaran bersistematik. Katanya, selain pengeluaran buah-buahan dan sayur-sayuran, FAMA juga merancang untuk menyertai sektor penternakan.

"Melalui sistem ladang kontrak ini, kita akan memastikan pengeluaran hasil pengeluaran yang berkualiti dan mapan serta menepati kehendak pasaran melalui Amalan Pertanian Baik (GAP)," katanya. Menurutnya, selain FAMA, petani-petani yang menyertai program ini akan dibantu oleh Jabatan Pertanian melalui pemindahan teknologi.

Mengenai Pusat Pengumpulan Ladang (PPL), beliau berkata, sebanyak dua PPL dibina di Kampung Gajah untuk menggalakkan petani-petani menjual terus hasil-hasil pengeluaran mereka kepada pemborong, peruncit atau pengguna langsung seiring dengan Dasar Pertanian Negara Ketiga (DPN3). Katanya, PPL mampu meningkatkan pendapatan para petani, penternak, nelayan dan pengeluar dari taraf kemiskinan.

**27/11/2008 (Khamis)**

### **Nelayan disaran pasar sendiri hasil tangkapan**

KOTA KINABALU 27 Nov. - Golongan nelayan di negeri ini disaran supaya memasarkan sendiri hasil tangkapan mereka tanpa melalui orang tengah.

Setiausaha Pemuda UMNO negeri, Mohd. Joh Wid berkata, langkah tersebut mampu memecahkan monopoli pemborong yang seterusnya menguntungkan nelayan sendiri dan pengguna.

"Saya bersetuju saranan kerajaan agar nelayan menjual hasil tangkapan secara terus menggunakan kenderaan seperti motosikal roda tiga dan lori di pasar-pasar malam atau di kawasan perumahan.

"Dengan cara ini, mereka mendapat pendapatan jualan yang lebih baik kerana tiada lagi aktiviti mengaut untung oleh orang tengah selain pengguna juga dapat membeli ikan yang segar," katanya dalam kenyataan akhbar di sini hari ini.

Menurutnya, usaha kerajaan mengawal monopoli peniaga besar dalam menentukan harga pasaran melalui pengwujudan pasar nelayan dan jeti yang dikendalikan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) menunjukkan keprihatinan kerajaan dalam membantu nelayan.

Bagaimanapun katanya, LKIM harus mempergiatkan usaha membantu nelayan dengan meningkatkan peranan persatuan nelayan yang masih kurang menyerlah terutamanya di kawasan kampung.

Katanya, bagi membantu nelayan memasarkan sendiri tangkapan mereka, LKIM juga boleh memberi bantuan kepada nelayan bagi membeli motosikal dan lori untuk tujuan pemasaran hasil tangkapan mereka.



**27/11/2008 (Khamis)**

### **Sistem biometrik tangani isu penipuan tanah**

KUALA LUMPUR 27 Nov. - Pejabat Pengarah Tanah dan Galian (PPTG) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur kini memperkenalkan sistem biometrik bagi menangani masalah penipuan tanah dan pemalsuan dokumen.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Douglas Uggah Embas berkata, sistem yang dilaksanakan pada 3 November lalu itu merupakan projek perintis yang selaras dengan hasrat kerajaan untuk meningkatkan sistem penyampaian kerajaan. Katanya, bagi urusan penyerahan dan kutipan dokumen di kaunter, semua firma guaman dikehendaki memohon kod peguam dan hanya wakil-wakil yang dilantik oleh firma sahaja akan didaftarkan.

"Melalui sistem ini, identiti individu yang berurusan dengan PTG Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur akan dikenalpasti melalui padanan cap jari dengan MyKad dan maklumat akan disimpan serta disalurkan ke pangkalan data biometrik. "Sekiranya cap jari tidak sepadan, maka urusan tersebut tidak akan dapat dilakukan. Tujuannya adalah bagi memastikan kepentingan pemilik tanah terlindung," katanya pada sidang akhbar selepas mengadakan lawatan ke PPTG Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di sini hari ini.

Turut hadir Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Zol Azha Yusof, Ketua Pengarah Tanah dan Galian, Datuk Abd. Halim Ain serta Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan, Zainuddin Tala.

Uggah memberitahu, tiada kes-kes baru yang melibatkan pemalsuan dan penipuan dokumen ataupun identiti berlaku di PTG Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sejak sistem berkenaan dilaksanakan baru-baru ini. "Pelaksanaan sistem ini akan diperluaskan ke semua negeri sekiranya didapati berjaya menangani isu penipuan dan pemalsuan dokumen. "Kini kami masih kekurangan perkakasan dan akan berusaha melengkapkannya dulu, baru memperkenalkan ke PTG setiap peringkat," tambahnya.

**27/11/2008 (Khamis)**

### **Parlimen - Letak DBP di bawah JPM**

KUALA LUMPUR 27 Nov. - Kerajaan diminta meletakkan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) memandangkan institusi tersebut ditubuhkan di bawah Perkara 152 dan 153 Perlembagaan Malaysia untuk memelihara kedudukan bahasa Melayu.

Ahli Parlimen Pasir Mas, **Datuk Ibrahim Ali (Bebas-Pasir Mas)** juga mencadangkan ditubuhkan Suruhanjaya Pelaksana Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. "Saya mencadangkan

perkara ini kerana saya dapati tanggungjawab Menteri Pelajaran terlalu banyak sehingga DBP, sebuah agensi yang penting berkaitan dengan bahasa diabaikan. "Sebab itu saya cadangkan DBP diletakkan di bawah JPM supaya Perdana Menteri sendiri bertanggungjawab dalam soal dan peranan bahasa Melayu memandangkan ia terkandung di dalam Perkara 152 dan 153 Perlembagaan Malaysia," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berbahas pada peringkat jawatankuasa Bajet 2009 untuk Kementerian Pelajaran pada Persidangan Dewan Rakyat hari ini.

Ibrahim memberitahu, telah banyak pencabulan berlaku terhadap bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Jelasnya, Perkara 152(1) Perlembagaan Malaysia menyatakan bahawa urusan rasmi kerajaan harus menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan tetapi didapati berlaku banyak penyelewengan.

Beliau juga bersetuju dengan celahan **Tan Sri Khalid Ibrahim (PKR-Bandar Tun Razak)** agar DBP dijadikan sebuah institusi bebas dan bertanggungjawab sepenuhnya dalam isu bahasa Melayu dengan peruntukan RM500 juta setahun. "Asalkan setiap tindakan memberi kebaikan terhadap pelaksanaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan lebih penting ia mempunyai kuasa penguatkuasaan di bawah undang-undang," katanya.

Ibrahim juga bertanya bilakah Akta Dewan Bahasa dan Pustaka 1967 akan dipinda dan dibentangkan di Parlimen memandangkan di situlah terletak kelemahan DBP yang tidak mempunyai kuasa undang-undang dalam soal bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Katanya, kelemahan itu menyebabkan kerajaan negeri Pulau Pinang menggunakan pelbagai bahasa untuk papan tanda jalan di negeri tersebut.

"Kerajaan negeri ini meluluskan apa sahaja yang mereka mahu tetapi mereka kena ingat bahawa soal penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa Kebangsaan terdapat dalam Perlembagaan Malaysia. "Apa yang dilakukan oleh kerajaan negeri Pulau Pinang sebenarnya telah melanggar undang-undang tertinggi negara iaitu Perlembagaan Malaysia," katanya.

Katanya, selagi soal DBP dan penguatkuasaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan tidak diselesaikan bermakna kerajaan masih tidak bertanggungjawab terhadap bahasa tersebut.

Beliau juga mahukan nama-nama jalan di pusat pentadbiran Kerajaan Pusat, Putrajaya ditukar kepada bahasa Melayu. Malahan tegasnya, papan-papan tanda di kedai-kedai yang pada masa ini menggunakan pelbagai bahasa juga perlu diturunkan dan diseragamkan dengan ditulis bahasa Melayu sahaja. "Ini bagi memberikan identiti kepada negara ini seperti mana yang dilaksanakan di Thailand dan Indonesia hanya menggunakan bahasa rasmi negara itu," katanya.

Sementara itu, Timbalan Menteri Pelajaran, Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong semasa menggulung perbahasan memberitahu, kementerian telah mengenal pasti calon Ketua Pengarah DBP yang mampu melaksanakan tugas serta bekerja bersama-sama Lembaga Pengelola DBP.

Ka Siong berkata, kementerian kini dalam peringkat akhir penyemakan latar belakang calon terbabit dan akan mengumumkan pelantikan itu tidak lama lagi. "Kita telah mempunyai calon yang sesuai untuk dilantik sebagai Ketua Pengarah DBP, cuma beberapa perkara perlu dipastikan agar pelantikan itu dapat diterima oleh semua yang berkepentingan di institusi tersebut," katanya.

Ka Siong memberitahu, pindaan terhadap Akta DBP juga kini masih diteliti oleh penasihat undang-undang kementerian bagi memastikan kuasa dapat diberikan kepada DBP untuk menguatkuasakan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan seperti terkandung dalam perlembagaan negara.

Jawatan Ketua Pengarah DBP kosong selepas kontrak Datuk Dr. Firdaus Abdullah tamat beberapa bulan lepas. "Kementerian komited untuk melihat DBP dapat melaksanakan tugasnya sebagai sebuah badan yang bertanggungjawab untuk memastikan pelaksanaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.